

TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA:

**PELNCARAN KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2020
ANJURAN
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

PADA 18 JULAI 2020 (SABTU)

**11.30 PAGI
SURIA KLCC, KUALA LUMPUR**

TERIMA KASIH SAUDARA Pengerusi MAJLIS.

**YAB TAN SRI HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD YASSIN
PERDANA MENTERI MALAYSIA**

**YB TAN SRI ANNUAR BIN HAJI MUSA
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**YBHG. DATUK SERI HASNOL ZAM ZAM BIN HAJI AHMAD
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

PENGARAH-PENGARAH JABATAN DAN AGENSI PERSEKUTUAN DAN NEGERI

PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT

PERSATUAN-PERSATUAN NGO

PARA PEMPAMER

RAKAN-RAKAN MEDIA

**YBHG. DATO'-DATO'/TUAN-TUAN/PUAN-PUAN HADIRIN YANG SAYA
HORMATI SEKALIAN**

SALAM SEJAHTERA DAN SELAMAT PAGI.

1. Pertama sekali saya mengucapkan syukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa kerana dengan izin dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama hadir ke majlis pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2020 pada hari ini.
2. Mengawali ucapan, saya bagi pihak jawatankuasa penganjur Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2020 ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia yang kita semua kasihi, atas kesudian beliau meluangkan masa merasmikan karnival ini.
3. Saya turut mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YB Menteri-Menteri Kabinet yang turut hadir, serta pegawai-pegawai kanan pelbagai Kementerian dan Jabatan atas kehadiran di program pada hari ini.
4. Setinggi-tinggi ucapan tahniah juga diucapkan kepada seluruh anggota kerja pelbagai Kementerian dan agensi yang telah menunjukkan komitmen terhadap penganjuran Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2020 yang diadakan di Suria KLCC hari ini bermula pada 17 sehingga 19 Julai 2020.
5. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya ucapkan para pempamer yang terdiri daripada pengeluar, pengilang dan usahawan-usahawan tempatan yang terlibat sama menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2020 ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

6. Kempen Beli Barangan Malaysia yang diadakan ini merupakan sebuah kempen kesedaran kepenggunaan yang diadakan secara bersepadu oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dengan kerjasama pelbagai Kementerian dan agnesi yang berkaitan. Ia menghimpunkan pelbagai sektor di negara ini terutamanya yang dikawal selia oleh KPDNHEP iaitu sektor perdagangan dan peruncitan (*wholesale and retail trade*) dan perdagangan dalam negeri.

7. Objektif penganjuran kempen ini adalah untuk memperkukuhkan perbelanjaan domestik dengan menggalakkan para pengguna di negara ini bagi membeli barangan buatan Malaysia sekaligus meningkatkan kesedaran serta semangat patriotisme di kalangan rakyat dalam membantu pengusaha tempatan untuk mempromosikan pelbagai bentuk barangan, produk dan perkhidmatan buatan tempatan. Selain itu, ia juga dilaksanakan bertujuan untuk dijadikan platform jualan barangan Malaysia secara besar-besaran sebagai pilihan kepada masyarakat untuk berbelanja pada harga yang berpatutan di samping membantu pengeluar untuk memasar dan mempromosikan produk-produk buatan Malaysia serta perkhidmatan mereka, sekaligus dapat membantu merancakkan kegiatan ekonomi dalam negara serta menggalakkan pembangunan industri tempatan.

8. KPDNHEP telah diberikan sejumlah dana oleh kerajaan untuk melaksanakan Kempen Beli Barangan Malaysia dan peruntukan ini akan digunakan sepenuhnya secara khusus untuk membantu usahawan, pengusaha dan pengilang tempatan dalam mengembangkan perusahaan dan perniagaan mereka, selain mempromosikan pelbagai jenis produk buatan tempatan kepada seluruh rakyat Malaysia melalui pelbagai inisiatif strategik. Ini sekaligus dapat meningkatkan tahap kesedaran dan mendorong pengguna untuk menyokong seterusnya membeli barangan buatan Malaysia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Bagi mempromosikan Kempen Beli Barangan Malaysia ini di peringkat industri, KPDNHEP juga telah mengadakan sesi perbincangan dan libat urus (*engagement*) dengan pemain-pemain industri peruncitan (*retailers*), pemilik-pemilik kompleks membeli-belah, persatuan-persatuan perniagaan dan *marketplace* di Malaysia. Setakat ini penerimaan mereka adalah baik, dan mereka menyatakan kesediaan untuk membantu inisiatif kempen ini di premis perniagaan masing-masing. Pelbagai bentuk kerjasama telah ditetapkan yang antaranya ialah penyenaian tetap produk-produk tempatan di *hypermarket* dan pasar raya dengan kadar *listing fees* yang minimum, promosi kempen beli barangan Malaysia di *outlet* masing-masing dan pelbagai lagi kaedah lain. Melalui inisiatif seperti ini, diharapkan lebih banyak produk-produk tempatan akan menembusi pasaran peruncitan di negara ini.

8. Untuk makluman hadirin sekalian, pelancaran Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan pada hari ini juga merupakan permulaan kepada beberapa siri penganjuran jelajah Kempen Beli Barangan Malaysia di pelbagai zon di seluruh negara yang akan diadakan sepanjang tahun 2020 selepas daripada tarikh pelancaran di peringkat kebangsaan ini.

9. Antara segmen produk-produk dan perkhidmatan buatan tempatan yang diberikan penekanan oleh Kementerian dalam membantu menjana semula ekonomi terutamanya di sektor peruncitan adalah :

- I. fesyen dan pakaian;
- II. perabot dan kelengkapan rumah;
- III. perkakasan elektrik ;
- IV. automotif;
- V. kraftangan dan hasil seni;
- VI. makanan dan minuman,
- VII. komunikasi;
- VIII. gajet/peralatan IT; dan
- IX. kesihatan dan kecantikan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada para pempamer dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam menjayakan Kempen Beli Barangan Malaysia pada tahun ini.

10. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, saya sekali lagi merakamkan penghargaan di atas kesudian YAB Tan Sri Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin, Perdana Menteri Malaysia melancarkan Kempen Beli Barangan Malaysia Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 2020 pada hari ini.

Sekian, salam hormat dan terima kasih.